

24/10/2003

Umat Islam penuh cabaran selepas OIC

Zamri Misman

SIDANG Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah berakhir dengan termeterainya Deklarasi Putrajaya. Semua pemimpin 57 negara anggota

berada di belakang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan sokongan terhadap pandangan beliau yang diutarakan dalam ucapan perasmian.

Pemimpin negara Islam ini juga sepakat untuk melaksanakan pelan tindakan

12 perkara merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial bagi mengembalikan

perpaduan, kesepakatan dan maruah ummah ketika dunia Islam menghadapi cabaran amat hebat.

Deklarasi Putrajaya Mengenai Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Bagi Perpaduan,

Maruah dan Kemajuan Ummah sebenarnya adalah cabaran terbesar yang perlu diteliti dan digalas oleh seluruh rakyat Malaysia.

Seluruh 1.3 bilion umat Islam kini meletakkan sepenuh harapan dan impian

kepada Malaysia untuk melakukan sesuatu sebagai pengerusi OIC untuk menaikkan maruah dunia Islam yang amat dipandang hina dan rendah oleh dunia lain, khususnya negara Barat.

Cabaran sebagai Pengerusi OIC ini dapat dilihat sejak hari pertama persidangan lagi apabila kenyataan pengerusi baru OIC telah diputarbelitkan dan dikecam dengan hebatnya oleh semua media Barat, termasuk dengan menyamakannya sebagai kenyataan pengganas.

Negara Barat pula mula memberi perhatian kepada Malaysia sebagai negara

kecil yang mampu menyatupadukan umat Islam seluruh dunia untuk menjadi lebih kuat dan bukan sekadar dipandang ringan sebagai buih-buih di lautan.

Malaysia telah berjaya menganjurkan Persidangan OIC dengan amat cemerlang sekali. Kecemerlangan ini perlu diteruskan dengan pelaksanaannya

dan tidak membiarkan cabaran Deklarasi Putrajaya terbiar begitu saja tanpa disambut.

Sebagai rakyat Malaysia yang beragama Islam, kita mempunyai tanggungjawab tersendiri pada peringkat dalaman dalam menyahut cabaran melaksanakan tindakan yang dinyatakan dalam Deklarasi Putrajaya.

Umat Islam di Malaysia dicabar untuk menyemak dan menganalisis kedudukan

kita berhubung isu politik, ekonomi, pendidikan dan sosial dan menggariskan strategi sesuai bagi mengukuhkan perpaduan politik umat Islam.

Umat Islam di negara ini perlu menghakis pandangan sebagai umat yang sukar untuk bersatu disebabkan perbezaan pandangan dalam perkara kecil.

Perbincangan umat Islam perlu lebih menjurus kepada gagasan besar dan bukan sekadar bermain dengan retorik politik dalam perkara remeh temeh yang memualkan umat. Pesepakatan umat Islam di Malaysia perlu dicari

segera.

Sebenarnya umat Islam dicabar untuk menggunakan pelbagai perkhidmatan perbankan dan insurans Islam yang telah disediakan oleh kerajaan sebagai alternatif bagi urusan kewangan kehidupan mereka dalam usaha memantapkan pembangunan ekonomi umat Islam sendiri.

Sektor perbankan dan insurans Islam juga perlu menunjukkan kecemerlangan dan kecanggihan perkhidmatan mereka setaraf atau lebih tinggi dari sektor perbankan konvensional. Imej perbankan dan insurans Islam sebagai kelas dua perlu dinafikan secara terus.

Kita juga perlu mengambil langkah praktikal mengukuhkan hubungan perniagaan di kalangan umat Islam negara ini menerusi perkongsian pangkalan data dan mewujudkan hubungan dalam pelbagai sektor perniagaan.

Imej bahawa ahli korporat dan peniaga Islam di Malaysia hanya mengharapkan bantuan subsidi pemerintah, tidak berdaya saing dan menjatuhkan saingan sesama sendiri perlu dihapuskan.

Kita kini perlu secara berterusan membuktikan bahawa rakyat Malaysia mampu meneruskan kehidupan pelbagai kaum secara harmoni. Mereka juga perlu dilihat mampu untuk berdialog dengan budaya dan tamadun lain bagi mewujudkan kesederhanaan, persefahaman bersama dan meningkatkan penghargaan terhadap Islam sebagai agama yang menggalakkan keamanan dan keharmonian sesama manusia.

Cendekiawan dan bijak pandai Islam di Malaysia yang dilihat sering bercakaran sesama mereka disebabkan fahaman politik yang berbeza juga dicabar menggiatkan dialog sesama mereka bagi mencadangkan bagaimana pendidikan Islam boleh menyumbang ke arah meningkatkan keamanan, persefahaman, toleransi, pembangunan ekonomi dan pemodenan, termasuk peningkatan dalam peranan wanita dalam pembangunan ekonomi.

Wanita Islam Malaysia perlu secara berterusan meningkatkan kecemerlangan diri tanpa mengabaikan suruhan agama dan budaya tempatan. Mereka perlu membuktikan Islam tidak pernah menghalang wanita untuk berjaya dan menunjukkan kepada dunia bahawa Islam sememangnya meletakkan status wanita pada kedudukan yang tinggi dan tersendiri.

Belia Islam juga dicabar menunjukkan minat dalam menceburi dan membangunkan bidang sains dan teknologi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam berteknologi tinggi yang disegani.

Kecemerlangan saintis Islam pada zaman silam perlu dikembalikan dan dimulakan di Malaysia.

Umat Islam di Malaysia turut dicabar untuk meningkatkan jumlah pembayaran zakat dan sumbangan dalam tabung kemanusiaan yang diadakan. Ini bagi memastikan pihak berwajib mampu melaksanakan program tertentu secara terancang untuk membantu golongan yang memerlukan.

Sesungguhnya, kejayaan persidangan OIC di Putrajaya bukan sekadar melihat kepada kejayaan penganjurannya saja, malah kejayaan yang sebenar ialah apabila Deklarasi Putrajaya dapat meresapi akal, hati dan sanubari umat Islam di Malaysia dan seterusnya mengambil tindakan perlu.

Dengan mengetuai 1.3 bilion umat Islam seluruh dunia, umat Islam di Malaysia perlu berjiwa besar, berakal panjang, berhati berani dan

bersemangat tinggi. Janganlah umat Islam di Malaysia hanya menang sorak kampung tergadai atau sekadar memagar nyiur yang condong.